

Sinar Harian 25-12-2021 (Sabtu) pg. 13  
Projek River of Life minimum impak bah jika siap awal



Pelaksanaan projek River of Life berupaya meminimumkan impak kerosakan harta benda penduduk akibat kejadian banjir luar biasa Lembah Klang sekiranya disiapkan mengikut jadual iaitu tahun 2020.

**SHAH ALAM** - Pelaksanaan Projek River of Life diperkenalkan kerajaan Barisan Nasional (BN), sebenarnya mampu meminimumkan impak kerosakan harta benda berpunca daripada kejadian banjir luar biasa di Lembah Klang, sekiranya disiapkan mengikut jadual tahun lalu.

Perunding firma kejuruteraan awam, Mohamad Khaled Nordin berkata, sewaktu pentadbiran kerajaan BN, projek River of Life yang bertujuan mengurangkan risiko banjir dengan kerja memperbesar, mendalamkan dan membuat sistem pintasan dari Sungai Gombak hingga ke muara sungai di Klang, telah diusahakan.

Jelasnya, projek bernilai lebih kurang AS\$1.3 bilion (RM4.21 bilion) dengan sebuah syarikat perunding terkemuka, AECOM telah dilantik bagi melaksanakan pelan induk pengindahan dan reka bentuk projek berkenaan, secara asasnya mampu

mengurangkan ancaman banjir secara holistik susulan usaha menambahkan ketinggian tembok di tepi sungai turut dirancang.

“Namun projek dimulakan sejak tahun 2013 itu dibatalkan kerajaan Pakatan Harapan (PH) tanpa perangkaan solusi alternatif bagi mendepani kemungkinan berlaku banjir di Lembah Klang.

“Mujurlah sekarang projek penting ini telah disambung oleh kerajaan sedia ada dan dijangka siap pada tahun 2024,” katanya.

Mengulas lanjut, Mohamad Khaled tidak menafikan idea satu lagi terowong SMART di kawasan Selangor mungkin solusi jangka masa panjang bagi membendung kejadian banjir besar luar biasa.

Bagaimanapun, beliau berpendapat sebarang idea itu haruslah bersifat perancangan jangka panjang kerana kos pembinaannya tinggi di samping tempoh pelaksanaannya memakan masa lama.

Sinar Harian 27.12.21 ( Isnin ) pg. 14

## DBKL sedia bantu bersih kawasan terjejas di luar KL

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan turut membantu membersihkan kawasan pasca banjir melibatkan jentera berat di kawasan luar ibu kota khususnya di Lembah Klang.

Menyertai Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, sejak ini lebih 20 lori dan 10 mesin pengorek telah digerakkan bagi membantu membersihkan kawasan terjejas banjir di Hulu Langat, Selangor serta Bentong, Temerloh dan Mentakab di Pahang.

"Saya dah cadang juga kepada tuan DO (pegawai daerah) tadi agar kita *outsource* (cari khidmat luar) NGO (badan bukan kerajaan) untuk beri bantuan dalam bentuk sewa lori dan *backhoe* (jengkaut) yang lebih diperlukan."

"Bermula esok ( Isnin ), ada satu NGO yang akan bantu di sini (Puchong), dengan sewa lori melibatkan tiap satu pasukan ada satu jengkaut dan tiga

lori untuk alihkan sampah dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas meninjau kawasan terjejas banjir sekitar Puchong dekat sini pada Ahad.

Shahidan turut menyeru semua pihak lain termasuk NGO untuk lebih fokus menyalurkan bantuan yang lebih diperlukan untuk situasi pasca banjir memandangkan sumbangan seperti makanan dilihat seakan menjadi lambakan.

Shahidan berkata lagi, DBKL turut bersiap siaga dengan kemungkinan berlakunya gelombang kedua banjir.

Katanya, situasi di Kuala Lumpur juga terjejas teruk melibatkan 1,056 keluarga selain mencatatkan lebih 80 kes cerun runtuh minggu lalu kini berada di bawah kawalan.

Shahidan sebelum itu menyertai tinjauan kawasan banjir di sekitar Puchong bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Bernama

NST · 27·12·21 (monday)  
Pg. 11

## Labuan shipyard's wooden office razed in fire

**LABUAN:** A four-decade-old wooden office of Labuan Shipyard Engineering Sdn Bhd was razed in a fire on Christmas Day. The wooden office was built in 1974 and housed several departments, including the finance and administration departments and the chief executive officer's office. Labuan Fire and Rescue Department director Ismaidi Ismail said the fire reportedly began about 7pm, with the cause under investigation. "We received a distress call at 7.33pm. Fire-fighters and three engines from the headquarters at the Rancha-Rancha fire station rushed to the scene. The office was already engulfed in fire." He said there were no reports of injuries or casualties in the incident and the fire took more than an hour to douse. "The fire damaged almost 100 per cent of the wooden structure. Files, computers and office equipment were destroyed." **Bernama**

# All eyes on apartment on the edge of collapse

The Star  
27.12.21  
(Monday)  
pg: 8

By JUSTIN ZACK  
justin@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The authorities are keeping a close eye on the situation at Sri Duta 1 apartment.

City police chief Comm Datuk Azmi Abu Kassim, when contacted, said after the Kuala Lumpur City Hall (DBKL) evacuated 34 households there last week, they have been monitoring the situation closely.

"As of now, contractors are performing works to strengthen the foundation. Monitoring works are conducted by DBKL daily to survey water and land movement.

"Up till now, no land movement has been detected," he said.

Comm Azmi said the area was deemed unsafe by the Public Works Department.

In a Facebook post on Dec 22, Federal Territories Minister Datuk Seri Shahidan Kassim said all 34 families were evacuated from the area after the landslides.

Photos of the apartment were circulating on social media with Internet users expressing concerns.

According to online portal Majoriti, a total of 34 families were evacuated from the apartment while 62 others voluntarily left before the evacuation was ordered.

Mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah had also visited the location on Dec 21 to identify the best solution to the situation.

Repair works are being conducted by various agencies including city hall.



**Worrying sight:** The precarious situation of Sri Duta 1 condominium in Kuala Lumpur. — Pic from Balai Bomba Sentul's Facebook page

# Enam syarikat telekomunikasi salur RM25 juta

**Kuala Lumpur:** Enam syarikat telekomunikasi bergabung menyumbang RM25 juta dalam membantu penduduk terjejas banjir, manakala dana bagi Kemudahan Bantuan Bencana (DRF) 2022 oleh Bank Negara Malaysia (BNM) ditambah kepada RM500 juta daripada RM200 juta.

Di Jelebu, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata sumbangan RM25 juta oleh enam syarikat telekomunikasi itu diserahkan kepada pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) untuk disalurkan kepada mangsa bencana.

"Pengalaman banjir yang kerap di Kelantan membolehkan kita tahu apa yang perlu dilakukan dan ia perlu dibuat dengan secepat mungkin dan tanpa perlada kerenten birokrasi," katanya pada program prihatin kementeriannya di Balai Raya Kampung Chennah, semalam.

Sementara itu, beliau memaklumkan, ratusan juta ringgit perlu dibelanjakan bagi membaik pulih menara telekomunikasi yang rosak akibat banjir baru-baru ini yang disifatkannya sangat tinggi.

Menterinya, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata DRF akan disediakan melalui bank komersial untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bagi membaiayai penggantian peralatan yang rosak akibat banjir serta modal kerja.

"Pembayaran sehingga RM500,000 akan disediakan untuk PKS, manakala usahawan mikro boleh meminjam sehingga RM75,000. Tempoh pembiayaan adalah sehingga lima tahun termasuk moratorium bayaran baki selama enam bulan," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, kadar pembayaran adalah hingga 3.5 peratus setahun termasuk kos jaminan dengan permohonan boleh dibuat melalui bank komersial mulai 27 Disember ini.

"Kerajaan terus memantau keadaan dan MoF khususnya akan sentiasa menyediakan peruntukan bagi membantu mangsa banjir secepat mungkin," katanya.

Peningkatan dana DRF telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Ya'akob pada 22 Disember lalu, sebagai inisiatif bantuan ringankan beban mangsa banjir.

BERNAMA



Annuar (tiga dari kanan) bersama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias (dua dari kiri) mengagihkan tilam dan bantal kepada penduduk Kampung Cennah, Jelebu, semalam. (Foto BERNAMA)

putar dapat dipulihkan pada putar lama yang depan," katanya menambah bahawa Pahang paling teruk mengalami kerosakan kemudahan berkenaan iaitu 560 menara.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Kementerian Kewangan (MoF) mengulangi beberapa perintah dan langkah tam-bahan yang telah diambil kerajaan bagi menangani bencana banjir, termasuk peningkatan dana kepada RM500 juta daripada RM200 juta bagi DRF 2022 oleh BNM.

jam bagi memastikan sasaran li-

memang tinggi, namun peralatan berada di bawah dan apabila ditenggelami air, ia turut rosak. Kos baik pulih satu menara, sama ada dimiliki satu syarikat atau secara berkongsi sangat tinggi sehingga mencecah suku juta ringgit. Ada 1,000 menara yang terjejas, namun 70 peratus daripadanya sudah berjaya baik pulih," katanya.

Katanya, terdapat 68 menara telekomunikasi di Negeri Sembilan terjejas teruk akibat banjir. Beliau berkata, kadar pembayaran adalah hingga 3.5 peratus setahun termasuk kos jaminan dengan permohonan boleh dibuat melalui bank komersial mulai 27 Disember ini.

"Kerajaan terus memantau keadaan dan MoF khususnya akan sentiasa menyediakan peruntukan bagi membantu mangsa banjir secepat mungkin," katanya.

Peningkatan dana DRF telah

diumumkan oleh Perdana Men-

teri, Datuk Seri Ismail Sabri Ya-

akob pada 22 Disember lalu, se-

bagai inisiatif bantuan ringan-

kan beban mangsa banjir.

BERNAMA